



## **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

*Department Of Veterinary Services*

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : [pro@dvs.gov.my](mailto:pro@dvs.gov.my)

Laman Web : [www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)

---

### **KENYATAAN MEDIA**

#### **VIDEO TULAR TENTANG TUDUHAN PENYEKSAAN HAIWAN SECARA TERBUKA DI MAHA 2024**

**PUTRAJAYA, 13 September 2024** – Merujuk kepada video tular tentang tuduhan ‘penyiksaan haiwan secara terbuka di MAHA 2024’ yang dimuat naik pada 13 September 2024 oleh individu yang dipercayai seorang pengamal veterinar berdaftar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) ingin memberi maklum balas berhubung perkara tersebut.

Untuk makluman, berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh individu berkenaan melalui hantaran video di platform Tiktok milik beliau, DVS telah membuat pemeriksaan ke atas anak-anak ayam di tempat pameran dan mendapati semua anak-anak ayam berada dalam keadaan yang baik dan tidak menunjukkan tanda-tanda sakit dan penderitaan.

Dari sudut kebajikan haiwan pula, pihak pempamer telah mematuhi semua keperluan kebajikan haiwan. DVS ingin memaklumkan bahawa mewarnakan anak-anak ayam adalah tidak termasuk di dalam perbuatan yang dikategorikan sebagai penganiayaan kepada haiwan di bawah Seksyen 29 Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772] selagi warna dan kaedah pewarnaan tidak membahayakan, memudaratkan, menyakitkan dan menyebabkan penderitaan kepada ayam-ayam tersebut. Sehubungan itu, DVS ingin menasihatkan semua pihak untuk membuat rujukan dengan pihak berkuasa veterinar terlebih dahulu sebelum membuat sebarang kenyataan yang boleh mengelirukan masyarakat dan mengundang provokasi.

DVS juga ingin memaklumkan, Pegawai Kebajikan Haiwan dari Jabatan ini ditempatkan di MAHA 2024 dan membuat pemantauan ke atas kebajikan kesemua haiwan yang terlibat di dalam pameran yang berlangsung dari 11 – 22 September 2024 di MAEPS, Serdang.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
13 SEPTEMBER 2024**